



Lawatan Kerja Rasmi Ketua Pustakawan ke Perpustakaan Tengku Anis UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang



Posted on **December 6, 2022**

by **Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus Machang**



29 November 2022 (Selasa) – **Perpustakaan Tengku Anis (PTA) UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK)** telah menerima kunjungan **Lawatan Kerja Rasmi Ketua Pustakawan Universiti Teknologi MARA (UiTM)** iaitu YBrs. Encik Jamalludin Hj. Sulaiman dan diiringi oleh Puan Shahidatul Akhmam Rambeli, Timbalan Ketua Pustakawan. Ketibaan Ketua Pustakawan di PTA disambut oleh Timbalan Ketua Pustakawan PTA iaitu Puan Alina Hussein dan juga semua staf PTA pada jam 9.00 pagi.



Lawatan ini bermula dengan kunjungan hormat Ketua Pustakawan ke Pejabat Rektor untuk sesi temu mesra bersama YBhg. Profesor Dr. Haji Abdol Samad Nawi, Rektor UiTMCK yang diiringi oleh Puan Alina Hussein, TKP PTA.



Sesi temu mesra bersama YBhg. Prof. Dr. Haji Abdol Samad Nawi, Rektor UiTMCK

Sementara itu, semua staf PTA terlibat dalam satu sesi bersama Ketua Bahagian Korporat & Kolaborasi iaitu Puan Shahidatul Akhmam Rambeli, Timbalan Ketua Pustakawan di Bilik Seminar PTA. Selesai bertemu mesra dengan Rektor UiTMCK, Ketua Pustakawan kembali ke PTA untuk sesi taklimat bersama staf dan sedikit taklimat daripada TKP PTA, Puan Alina Hussein.



Dalam taklimat yang disampaikan oleh Puan Alina, beliau membentangkan pencapaian, anugerah, perancangan, aktiviti dan juga program yang telah dianjurkan oleh PTA serta yang bakal berlangsung. Seterusnya ialah sesi taklimat daripada Ketua Pustakawan kepada semua pegawai dan staf pelaksana PTA. Dalam sesi ini juga staf perpustakaan diberi peluang untuk bertanyakan soalan, memberikan pandangan dan cadangan kepada pengurusan perpustakaan secara terbuka.



Sesi taklimat daripada Puan Alina Hussein, Timbalan Ketua Pustakawan PTA



Sesi taklimat daripada Brs. Encik Jamalludin Hj. Sulaiman, Ketua Pustakawan

Lawatan ini diakhiri dengan sesi penyerahan cenderahati kepada Ketua Pustakawan, YBrs. Encik Jamalludin Hj. Sulaiman dan Puan Shahidatul Akhmam Rambeli, Timbalan Ketua Pustakawan serta sesi bergambar untuk kenangan.



Sesi penyerahan cenderahati kepada YBrs. Encik Jamalludin Hj. Sulaiman, Ketua Pustakawan dan Puan Shahidatul Akhmam Rambeli, Timbalan Ketua Pustakawan



Gambar kenang-kenangan warga PTA bersama Ketua Pustakawan

Disediakan oleh: Sazlina Saleh, Pembantu Pustakawan PTA UiTM Cawangan Kelantan

POSTED UNDER [KAMPUS MACHANG, UITM KELANTAN](#) [KETUA PUSTAKAWAN](#) [LAWATAN](#)



**PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN PTAR
SERI ISKANDAR 2022**

**Lawatan Kerja Rasmi Ketua Pustakawan ke
Perpustakaan Tengku Anis UiTM Cawangan
Kelantan Kampus Kota Bharu**



**Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus
Machang**



Leave a Reply

You must be [logged in](#) to post a comment.